
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

STU335 - Kerja Sosial Perubatan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Soalan 1 di Bahagian I adalah **WAJIB**. Pilih **DUA (2)** soalan yang lain di Bahagian II.

Bahagian I

Soalan 1 di bahagian ini **WAJIB** dijawab.

Soalan 1

Berry berumur 36 tahun dan bekerja sebagai seorang jurutera di kilang Atos. Beliau telah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak yang berumur 10 tahun, 8 tahun dan yang bongsu berumur 3 tahun. Isteri Berry adalah seorang suri rumah tangga..

Berry telah dibawa ke hospital selepas kemalangan jalanraya dalam keadaan yang tenat. Beliau diberi rawatan yang rapi dan didapati patah tulang belakang (*spinal column*). Keadaan ini telah menyebabkan ketidakfungsian fizikal beliau dari paras pinggang ke bawah. Ini bermaksud beliau telah menjadi *paraplegic* dan hanya boleh bergerak dengan menggunakan kerusi roda.

Isteri beliau telah diberitahu tentang keadaan ini dan beliau kelihatan berada dalam situasi tegang (*in a state of shock*).

Anda merupakan pekerja sosial di wad dan perlu mengurus kes ini.

- (a) Bincangkan faktor-faktor atau komponen yang perlu pekerja sosial ambilkira dalam menguruskan kes ini.
- (b) Bagi setiap komponen, huraikan peranan dan perkhidmatan dan/ atau tindakan yang perlu pekerja sosial laksanakan demi kebaikan klien.

(100 markah)

Bahagian II

Pilih **DUA (2)** soalan sahaja.

Soalan 2

- (a) Jelaskan kefahaman anda mengenai perancangan discaj (*discharge planning*) oleh pekerja sosial perubatan untuk pesakit di hospital?
- (b) Dengan menggunakan contoh, huraikan perlaksanaan perancangan discaj (*discharge planning*) yang boleh dilakukan oleh pekerja sosial.

(100 markah)

Soalan 3

Bincangkan komponen-komponen yang perlu diambilkira semasa menguruskan kes berkaitan pesakit penagih dadah.

(100 markah)

Soalan 4

Dalam menguruskan satu-satu kes, pekerja sosial perubatan perlu bekerja dengan sistem sosial pesakit. Bincangkan kepentingan bekerja dengan sistem sosial. Gunakan contoh jika perlu.

(100 markah)

Soalan 5

Bincangkan kepelbagaian peranan yang boleh dimainkan oleh seorang pekerja sosial perubatan dan masalah yang dihadapi semasa menjalankan tugas tersebut.

(100 markah)